

# UNISSA hadiri Mesyuarat Penubuhan Jaringan Universiti Islam ASIA - Afrika


**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 17 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima undangan untuk menghadiri Mesyuarat Penubuhan Jaringan Universiti-universti Islam Asia - Afrika dan diteruskan dengan Seminar Antarabangsa Media dan Peranannya dalam Menangani Isu Ekstremisme dan Terorisme.

Sesi mesyuarat dan persidangan tersebut telah diadakan selama dua hari bermula 15 Mei 2017 bertempat di Universiti Islam Antarabangsa, Islamabad (IIUI), Pakistan.

Mesyuarat dan persidangan berkenaan dihadiri oleh Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norfarfan bin Haji Zainal, yang mana undangan tersebut adalah manifestasi keberkesanan jalinan kerjasama setelah penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara UNISSA dan IIU Islamabad, Pakistan yang dimeterai pada bulan Februari yang lalu.

Dalam mesyuarat berkenaan, UNISSA merupakan salah sebuah universiti yang mempelopori penubuhan jaringan itu dan diberi penghormatan dengan melantik Rektor UNISSA sebagai Timbalan Setiausaha Agung pertubuhan berkenaan.

Penubuhan Jaringan Universiti-universiti Islam Asia - Afrika adalah bertujuan untuk mempertingkatkan



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norfarfan bin Haji Zainal (dua, kanan) bersama Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pertubuhan Jaringan Universiti-universiti Islam Asia - Afrika.

kerjasama dalam pelbagai bidang di antara institusi-institusi pengajian tinggi Islam di Asia dan Afrika.

Mesyuarat dan persidangan tersebut dihadiri oleh seramai 14 pemimpin universiti Islam terdiri dari Sudan, Indonesia, Thailand, Jordan, Arab

Saudi, Uganda, Maldives, Algeria dan lain-lain yang dipengerusikan oleh Presiden IIU Islamabad, Pakistan, Profesor Dr. Ahmed Yousif Ahmed Al Draiveesh.

Pada kesempatan itu, Rektor UNISSA telah membuat kunjungan

muhibah kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Pakistan, Tuan

Yang Terutama Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Awang Mahmud bin Haji Saidin @ Haji Mohd. Saidin.

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
**Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

## Kursus ke China dalam Hybrid Rice



ROMBONGAN delegasi peserta kursus dari Negara Brunei Darussalam bersama dengan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Pemangku Ketua Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Sumber-Sumber Utama, wakil-wakil dari Kedutaan Besar China ke Negara Brunei Darussalam dan Pegawai-Pegawai Latihan dari Pusat Pembangunan Belia.

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pertanian dan Agrimakanan**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 15 Mei. - Seramai enam pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan tiga peladang padi belia berlepas hari ini untuk menghadiri Kursus 2017 Training Course on Hybrid Rice Comprehensive Technology for Developing Countries selama tiga bulan.

Antara yang turut hadir untuk

mengucapkan selamat baylor kepada delegasi tersebut adalah Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd. Hanifah; Pemangku Ketua Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Sumber-Sumber Utama, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Khairunnisa binti Haji Omar Ali; wakil-wakil dari Kedutaan Besar Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam,

Tuan Zhu Rong dan Tuan Zhang Jun serta Pegawai-pegawai Latihan dari Pusat Pembangunan Belia, Awang Haji Saiful Rizal bin Haji Ariffin dan Haji Ruslan bin Haji Kurus.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, kursus berkenaan dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Perdagangan, Republik Rakyat China itu adalah bertujuan untuk melatih peserta-peserta kursus dalam pembiak bakaan padi hibrid, pengeluaran benih serta pengurusan padi hibrid secara komprehensif bagi membolehkan peserta-peserta

menggunakan teknologi padi hibrid tersebut untuk meningkatkan produktiviti padi dan sekuriti makanan di negara masing-masing.

Ia adalah sangat bertepatan dengan matlamat strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, iaitu meningkatkan pengeluaran serta produktiviti sektor pertanian melalui penggunaan teknologi dan teknik moden secara meluas.

Penghantaran para pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta para peladang padi belia untuk mengikuti kursus

berkenaan bukan sahaja amat bersesuaian bagi peningkatan kapasiti sumber tenaga manusia dalam bidang industri padi, bahkan mendukung usaha-usaha bagi mencapai sasaran pelan strategik industri padi secara langsung, iaitu untuk meningkatkan pengeluaran serta produktiviti padi menjadi 12 metrik tan sehektar semusim pada tahun 2020.

Setelah tamat menjalani kursus tersebut, para peserta akan dilibatkan dalam projek kajian kesesuaian varieti hibrid yang sedang dilaksanakan pada masa ini.